

**HUBUNGAN TRIBUTARI CHINA-MELAKA
ZAMAN DINASTI MING DARI
TAHUN 1400 HINGGA 1511**

TAN HOCK CHUAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**HUBUNGAN TRIBUTARI CHINA-MELAKA
ZAMAN DINASTI MING DARI
TAHUN 1400 HINGGA 1511**

oleh

TAN HOCK CHUAN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Januari 2022

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Penyelia utama Dr. Ku Boon Dar, penyelia bersama Dr. Low Choo Chin dan semua pensyarah sejarah PPPJJ atas bimbingan dan nasihat yang menjadi perangsang kepada saya menjana idea yang kritis untuk penulisan ini. Tunjuk ajar dan motivasi mereka telah menjadi pembakar semangat saya untuk terus berusaha dengan gigih demi melaksanakan kajian ini, walaupun saya terpaksa menempuhi pelbagai halangan dan rintangan. Tidak lupa juga penghargaan ini saya tujukan kepada keluarga tercinta saya terutama kepada isteri saya Lim Yet Cho dan anak-anak saya Tan Ran Zhi, Tan Xin Zhu dan Tan Xin Zhan serta menantu saya Ng Ping Tarng yang amat memahami dan sentiasa memberi semangat kepada saya agar saya terus tabah dalam perjuangan mencari, mengumpul, menyelidik dan mengkaji maklumat sehingga saya dapat merealisasikan penulisan ini. Sokongan dan dorongan dari mereka telah memberi ketenangan kepada saya semasa penulisan ini dijalankan tanpa sebarang gangguan. Kalian merupakan sumber ilham dan inspirasi kepada saya. Kepada rakan-rakan seperjuangan Gangathran, Liew Kok Toon dan Chiam Ming Jeng yang turut berkongsi suka dan duka di sepanjang penulisan kajian ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka. Dorongan daripada mereka membolehkan saya terus berusaha dan tidak putus asa dalam meniti dan melewati cabaran dan dugaan selama ini. Akhir sekali, terima kasih kepada semua kakitangan Perpustakaan Hamzah Sendut, USM, Perpustakaan Awam Seberang Prai, Pulau Pinang dan Perpustakaan Awam Sungai Petani atas kesabaran melayan saya mencari dan mendapat maklumat yang berkesan untuk kajian ini. Jasa kalian sentiasa dalam ingatan.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL.....	vii
SENARAI PETA.....	viii
SENARAI GAMBAR	ix
PENGGUNAAN NAMA/ ISTILAH.....	x
SENARAI LAMPIRAN	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT.....	xvi
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Persoalan Kajian.....	4
1.3 Sorotan Literatur.....	4
1.4 Kepentingan Kajian.....	32
1.5 Skop Dan Tempoh Kajian.....	33
1.6 Objektif Kajian.....	34
1.7 Metodologi Kajian.....	34
1.8 Keterangan Sumber.....	38
1.9 Rangka Bab	39
BAB 2 KONSEP HUBUNGAN TRIBUTARI.....	42
2.1 Pengenalan.....	42
2.2 Konsep Hubungan Tributari China.....	44
2.2.1 Hierarki dan Anti-Egalitarianisme.....	45
2.2.2 Konsep Pertuanan.....	45
2.2.3 Mengesahkan Keabsahan Raja Negeri Naungan.....	56
2.2.4 Menjamin Perlindungan dan Keamanan.....	57
2.2.5 Prinsip <i>Hou Wang Bo Lai</i> (Banyak Memberi, Sedikit Menerima).....	58
2.2.6 Prinsip <i>Huai Rou Yuan Ren</i> (Cara Diplomasi Bijaksana).....	60

2.2.7 Tidak Memunyai Niat Ingin Menjajah Negeri Naungan.....	62
2.3 Sudut Pandangan China Tentang Konsep Hubungan Tributari.....	65
2.4 Sudut Pandangan Melaka Tentang Konsep Hubungan Tributari.....	69
2.5 Kesimpulan.....	72
BAB 3 HUBUNGAN CHINA-MELAKA ZAMAN PENGASASAN	
(1400-1446).....	74
3.1 Pengenalan.....	74
3.2 Hubungan China-Melaka Zaman Pemerintahan Parameswara (1400-1414).....	76
3.3 Hubungan China-Melaka Zaman Pemerintahan Megat Iskandar Shah (1414-1424)	85
3.4 Hubungan China-Melaka Zaman Pemerintahan Seri Maharaja (1424-1444).....	90
3.5 Hubungan China-Melaka Zaman Pemerintahan Seri Parameswara Dewa Shah (1444-1446)	95
3.6 Sumbangan Zheng He Dalam Hubungan China-Melaka Era Pengasasan.....	98
3.7 Kesan Hubungan China-Melaka Zaman Pengasasan.....	101
3.7.1 Kesan Politik Ke Atas Masyarakat Melaka.....	102
3.7.2 Melaka Menjadi Pusat Perdagangan.....	103
3.7.3 Pembangunan Ekonomi Negara China Dan Melaka.....	105
3.7.4 Peningkatan Martabat Bahasa Melayu.....	109
3.7.5 Pembinaan Reka Bentuk Bangunan Masjid di Melaka.....	109
3.8 Kesimpulan.....	114
BAB 4 HUBUNGAN CHINA-MELAKA ZAMAN KEMUNCAK	
(1446-1488)	116
4.1 Pengenalan.....	116
4.2 Hubungan China-Melaka Semasa Pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1446-1456)	117
4.3 Hubungan China-Melaka Semasa Pemerintahan Sultan Mansur Shah (1456-1477)	122

4.4 Hubungan China-Melaka Semasa Pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah (1477-1488)	128
4.5 Kesan Hubungan Tributari China-Melaka Zaman Kemuncak.....	132
4.5.1 Impak Politik Ke Atas Masyarakat Melaka.....	133
4.5.2 Kesan Ke Atas Ekonomi China Dan Melaka.....	133
4.5.3 Lahirnya Kamus Cina-Melayu Terawal.....	134
4.5.3(a) Isi Kandungan Kamus Cina-Melayu Terawal	135
4.5.3(b) Kesalahan Dan Kekusutan Dalam <i>Manlajia Guoyi Yu</i>	137
4.5.4 Migrasi Orang China Ke Melaka Dan Masyarakat Baba & Nyonya.....	138
4.5.4(a) Bahasa Baba Dan Nyonya	139
4.5.4(b) Budaya Baba Dan Nyonya.....	140
4.6 Kesimpulan.....	143
BAB 5 HUBUNGAN CHINA-MELAKA ZAMAN KEMUNDURAN.....	145
5.1 Pengenalan.....	145
5.2 Hubungan China-Melaka Semasa Pemerintahan Sultan Mahmud Shah.....	146
5.3 Sokongan China Terhadap Melaka Dan Pemusuhannya Terhadap Portugis Setelah Kejatuhan Melaka.....	153
5.4 Keadaan Politik Negara China Pada Zaman Kemunduran Melaka.....	155
5.5 Perubahan Dasar China Pada Pertengahan Dinasti Ming.....	162
5.6 Kesan Ancaman Luaran Dan Dalaman Terhadap Hubungan Tributari China- Melaka Pada Zaman Kemunduran Melaka.....	164
5.7 Kesimpulan	167
BAB 6 KESIMPULAN.....	168
BIBLIOGRAFI	181
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 3.1	Hubungan Tributari China-Melaka Zaman Parameswara.....	84
Jadual 3.2	Hubungan Tributari China-Melaka Zaman Megat Iskandar Shah.....	89
Jadual 3.3	Hubungan Tributari China-Melaka Zaman Seri Maharaja.....	95
Jadual 3.4	Hubungan Tributari Melaka-China Zaman Seri Parameswara Dewa Shah.....	98
Jadual 4.1	Hubungan Tributari Melaka-China Zaman Sultan Muzaffar Shah.....	122
Jadual 4.2	Hubungan Tributari China-Melaka Zaman Sultan Mansur Shah.....	128
Jadual 4.3	Hubungan Tributari China-Melaka Zaman Sultan Alauddin Riayat Shah	132
Jadual 4.4	Bandingan Bahasa Melayu Dengan Bahasa Baba & Nyonya.....	140
Jadual 5.1	Hubungan Tributari Melaka-China Zaman Sultan Mahmud Shah.....	152

SENARAI PETA

Muka Surat

Peta 1	Hubungan Perdagangan Antarabangsa Melaka Pada Abad Ke-15.....	203
Peta 2	Kedatangan Dan Perkembangan Agama Islam Di Asia Tenggara.....	203
Peta 3	Empayar Kesultanan Melayu Melaka.....	204
Peta 4	Kedatangan Melaka Dalam Peta Navigasi Zheng He.....	204

SENARAI GAMBAR

Muka Surat

Gambar 1	Maharaja Yong-le (Maharaja Dinasti Ming Ke-3).....	205
Gambar 2	Laksamana Zheng He.....	205
Gambar 3	Pelabuhan Melaka Pada Abad Ke-15.....	206
Gambar 4	Maharaja Yong-le Menerima Tributari Dari Afrika.....	206
Gambar 5	Masjid Kampung Hulu Di Melaka.....	207
Gambar 6	Masjid Tranquerah Di Melaka.....	207
Gambar 7	Masjid Kampung Kling Di Melaka.....	208
Gambar 8	Masjid Jamek Di Melaka.....	208
Gambar 9	Perkahwinan Baba Dan Nyonya.....	209
Gambar 10	Pakaian Kaum Wanita Nyonya.....	209

SENARAI PENGGUNAAN NAMA/ ISTILAH

1. Penggunaan nama orang dan tempat-tempat di negara China dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada *Hanyu Pinyin*. Sistem *Hanyu Pinyin* telah diperkenalkan pada 1958 adalah menggunakan program fonetik bagi Bahasa Cina dengan menggunakan abjad-abjad Latin.
2. Pertuanan (*overlordship*) merujuk kepada kedudukan (posisi) negara China ke atas negeri-negeri naungannya.
3. Tributari merujuk kepada mempersembahkan barang ufti. Dalam kajian ini utusan tributari ialah rombongan yang diutus oleh negeri naungan ke China meliputi misi menghantar barang ufti dan mengadakan adat istiadat mengadap maharaja China. Manakala hubungan tributari ialah hubungan antara negeri naungan dengan negara China yang berdasarkan sistem tributari.
4. Sutera merupakan sejenis benang yang lembut dan halus yang didapati daripada sejenis ulat. Benang sutera boleh membuat kain iaitu kain sutera yang mahal dan berkualiti. Dalam kajian ini, maharaja China membalaskan utusan tributari yang datang ke China dengan bermacam-macam kain sutera seperti satin, antelas, broked, dewangga dan kimkha. Satin adalah bahan sutera yang licin dan bersinar di muka sebelah. Antelas ialah kain sutera yang mengkilat. Broked merupakan sejenis kain sutera yang tebal, berat dengan corak benang emas atau perak di atas permukaan. Dewangga pula merupakan kain sutera yang bercorak indah-indah dengan benang biru atau kuning di atas dasar merah. Manakala kimkha ialah sejenis kain tenunan sutera yang halus dan berbunga-bunga.
5. Polos adalah kain yang tidak berbunga dan tidak bercorak.
6. Kencana merupakan kain yang dijahit dengan benang emas.
7. Cita adalah kain kapas yang sederhana tebal, berbunga-bunga atau berwarna-warni, berkilau dan licin, biasanya dibuat pakaian, langsir dan sarung kusyen.
8. Dari tahun 1405 hingga 1430, Laksamana Zheng He melaksanakan ekspedisi ke Lautan Barat sebanyak tujuh kali. Mulai pertengahan Dinasti Ming, Pulau Kalimantan dijadikan garis pemisah Lautan Timur dengan Lautan Barat. Kawasan di sebelah barat dari Pulau Kalimantan digolongkan sebagai Lautan

Barat sedangkan kawasan timur dari Pulau Kalimantan digolongkan sebagai Lautan Timur. Definisi mengenai Lautan Barat yang terdapat dalam *Mingshi* (Sejarah Ming) dan *Mingshi Lu* (Catalan Sebenar Sejarah Dinasti Ming) mempunyai sama konsep dengan pandangan ini.

9. *Guang Lu Si* (光祿寺) merupakan salah satu Jabatan Kerajaan Dinasti Ming. Pentadbiran Dinasti Ming merangkumi lima jabatan iaitu *Da Li Si* (大理寺), *Tai Chang Si* (太常寺), *Tai Pu Si* (太仆寺), *Hong Lu Si* (鴻臚寺) dan *Guang Lu Si* (光祿寺). *Da Li Si* menguruskan kes-kes jenayah. *Tai Chang Si* bertanggungjawab dan menguruskan aktiviti sembahyang. *Tai Pu Si* pula terlibat dalam bidang membela dan menjaga kuda. *Hong Lu Si* bertanggungjawab dalam urusan menyambut dan melayan tetamu asing. Manakala *Guang Lu Si* terlibat dalam urusan makanan dan jamuan. Selain daripada menyediakan makanan untuk maharaja setiap hari, Jabatan *Guang Lu Si* dikehendaki menguruskan upacara ritual dan menyediakan barang-barang keperluan untuk sembahyang di istana. Apabila utusan tributari dari negeri naungandatang ke negara China, *Guang Lu Si* dikehendaki menolong *Hong Lu Si* menyediakan jamuan besar untuk melayani raja-raja dan ahli-ahli rombongan yang datang dari jauh. Hari *Guang Lu Si* merupakan suatu hari yang telah ditetapkan oleh maharaja untuk menjalani satu aktiviti penting di Jabatan *Guang Lu Si*.
10. Dinasti Ming juga membentuk enam Kementerian. Enam Kementerian ini termasuk Kementerian Hal Ehwal Awam (吏部), Kementerian Kewangan (戶部), Kementerian Upacara / Protokol / Ritual (禮部), Kementerian Pertahanan (兵部), Kementerian Hukum (刑部) dan Kementerian Pekerjaan Umum (工部).
11. *Huitong Guan* (会同館) atau Institut Interpreter adalah agensi rasmi yang menyambut dan melayan utusan tributari dan duta-duta khas yang datang ke negara China semasa Dinasti Ming. Ia juga bertanggungjawab mengatur makanan dan penginapan untuk tetamu. Sehingga tahun 1501, *Huitong Guan* merupakan rumah tetamu yang besar dan dalamnya mempunyai 470 buah bilik.
12. *Si Yi Guan* (四夷館) atau Institut Penterjemahan merupakan akademi bahasa negeri-negeri asing yang kali pertama ditubuhkan dalam sejarah China. *Si Yi*

Guan ditubuhkan oleh Maharaja Yong-le pada tahun 1405. Tujuan menubuh *Si Yi Guan* ialah untuk melatih jurubahasa-jurubahasa. Semasa Dinasti Ming, semua surat dokumen yang ditulis dalam bahasa asing untuk hubungan tributari dengan negeri-negeri naungan adalah diuruskan oleh *Si Yi Guan*.

13. *Tong Shi* (通事) ialah pegawai jurubahasa semasa Dinasti Ming. Kebanyakan *Tong Shi* mendapat kelulusan dari *Si Yi Guan*.
14. *Bu Zheng Si* (布政司) atau Pesuruhjaya Pentadbir Wilayah. Ditubuhkan pada awal Dinasti Ming sebagai institusi yang bertanggungjawab dalam urusan sipil di sebuah wilayah. Ia diketuai oleh Pesuruhjaya (布政使), dibantu oleh Naib Pesuruhjaya Pentadbiran (参政) dan Penolong Pesuruhjaya Pentadbiran (参议).
15. *Shi Bo Si* (市舶司) atau Jawatan Supervisorates Perdagangan Maritim. Ia adalah agensi pengurusan perdagangan luar negeri maritim yang ditubuhkan oleh negara China di pelbagai pelabuhan laut pada awal Dinasti Ming. Ia adalah sama dengan jawatan Kastam pada masa sekarang. Bidang tugas *Shi Bo Si* mengrakumi pengeluaran permit masuk pelabuhan untuk kapal asing, mengendalikan barang dagangan yang dibawa masuk oleh duta-duta asing, menguruskan kapal keluar dan masuk pelabuhan, menguruskan kargo import dan eksport, mengenai cukai import ke atas barang yang diimport, mengawasi eksport barang seludup seperti emas, perak, tembaga, besi, garam dan lain-lain.
16. *Xun An* (巡按) ialah Inspektor Tempatan. Jawatan ini ditubuhkan oleh Maharaja Yong-le pada tahun 1403. *Xun An* bertanggungjawab untuk memeriksa arahan kerajaan yang perlu dilaksanakan oleh pegawai, memeriksa fail serta akaun, menerima keluhan dari orang tempatan dan kemudian menyerahkan memorial kepada maharaja. Dalam memorial, *Xun An* akan mengecam pegawai yang cuai menjalankan tugas, melaporkan dasar yang tidak sesuai dan mencadangkan polisi baru.
17. *Ti Du* (提督) ialah Ketua Komander Provinsi. Ia bertanggungjawab dalam urusan ketenteraan dalam sebuah provinsi semasa Dinasti Ming.

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 Glossari Bahasa Cina
- Lampiran 2 Kandungan Inskripsi
- Lampiran 3 Senarai Maharaja Dinasti Ming
- Lampiran 4 Senarai Nama Sultan Melaka
- Lampiran 5 Peta
- Lampiran 6 Gambar

HUBUNGAN TRIBUTARI CHINA-MELAKA ZAMAN DINASTI MING DARI TAHUN 1400 HINGGA 1511

ABSTRAK

Pembukaan Melaka pada tahun 1400 oleh Parameswara menjadikan Melaka muncul sebagai sebuah kawasan yang paling bernilai kepada China. Lantas, Maharaja Yong-le mengutuskan Yin Qing ke Melaka menjalin hubungan luar China melalui sistem tributari. Maharaja Yong-le merupakan maharaja Dinasti Ming teragung dalam pelaksanaan sistem tributari China. Manakala Laksamana Zheng He melalui tujuh ekspedisi ke Lautan Barat (1405-1433) telah berjaya membawa sistem tributari China ke peringkat kemuncak. Dengan terjalin hubungan tersebut bermulalah episod sejarah hubungan Melaka-China selama 111 tahun. Justeru, kajian ini meninjau sejauh mana hubungan tributari China era Dinasti Ming dengan Melaka diamalkan, bukan sahaja dari aspek politik malah meninjau juga dari aspek sosio budaya. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hubungan tributari tersebut telah membantu Melaka muncul sebagai sebuah pusat perdagangan antarabangsa pada abad ke-15. Selanjutnya, hubungan tributari tersebut juga berasosiasi dengan aspek-aspek sosial budaya seperti terbitnya kamus China-Melayu yang terawal *Manlajia Guoyu Yi* (Senarai Melayu Melaka), kewujudan masyarakat Baba dan Nyonya serta pengaruh China dalam seni bina di Melaka. Dalam pada itu, kajian ini banyak memanfaatkan sumber-sumber primer khususnya *Ming Shilu* (Rekod Rasmi Sejarah Dinasti Ming) untuk mengetengahkan fakta-fakta sejarah yang masih belum diterokai oleh pengkaji terdahulu. Tuntasnya, kajian ini sangat signifikan kerana penulisan ini cuba menolak pandangan *klise* yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana Barat bahawa hubungan tributari China adalah satu bentuk penjajah tradisional yang dikenali sebagai *proto-colonialism*.

**CHINA-MALACCA TRIBUTARY RELATION DURING THE MING
DYNASTY FROM 1400 TO 1511**

ABSTRACT

The opening of Malacca in 1400 by Parameswara turned Malacca into the most valuable region for China. Emperor Yong-le sent envoys to Malacca through Yin Qing to establish China's foreign relations through the tributary system. Emperor Yong-le was regarded as the most supreme emperor of the Ming Dynasty in the implementation of China's tributary system and Zheng He's seven times expedition to the Western Ocean succeeded in bringing China's tributary system to its peak during the 15th century. With that, soon began the 111-year history of Malacca-China's close relation. Therefore, this study is conducted to examine the extent to which tributary relations of the Ming Dynasty with Malacca were practised not only politically but also on socio-cultural aspects. The preliminary findings of this study indicate that such tributary relations have helped Malacca to emerge as a center of international trade in the 15th century. Hence the tributary relationship was also associated with social and cultural aspects such as the publication of the Chinese-Malay dictionary *Manlajia Guoyi Yu* (List of Malacca's Malay), formation of the Baba, and Nyonya's society, and the influence of China's architecture in Malacca's building. This study utilizes primary sources, especially *Ming Shilu* (Official records of Ming Dynasty's history) to highlight historical facts that had not been explored by previous researchers. This study is significant because it attempts to reject the cliché view presented by western scholars that China's tributary relation was a form of traditional occupation known as proto-colonialism.

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

Sejarah awal hubungan China dan Alam Melayu telah berlangsung sebelum Masihi apabila maharaja China menghantar diplomat dan peniaga ke rantau Alam Melayu. Menurut catatan sejarah China, hubungan itu telah wujud dalam zaman Dinasti Han kira-kira 100 tahun sebelum Masihi. Dalam *Han Shu* (Catatan Dinasti Han) dicatat pelayaran pegawai-pegawai Maharaja Wu Di (140 SM-88 SM) ke India dan melalui Selat Melaka (140 SM-87 SM). Mereka melakukan perdagangan pertukaran barang di Alam Melayu.¹ Berbanding dengan kedatangan kuasa Barat yang berasaskan rancangan penjajahan, kedatangan misi dari China ke Alam Melayu lebih bertumpu pada ekonomi, diplomasi dan kebudayaan.

Hubungan China dan Alam Melayu menjadi lebih jelas dalam abad ketujuh Masihi semasa Dinasti Tang (618-907 M) dan kerajaan Srivijaya di Sumatera (abad 7-13 M).² Sejarah China mencatatkan bahawa Fa Xian, seorang pendeta agama Buddha pernah singgah di Borneo dan Jawa pada tahun 413 semasa belayar dari China menuju ke India. Pada tahun 671, dicatatkan pula Yi Jing, pendeta agama Buddha terkenal dari Dinasti Song pernah singgah di Kedah dan menetap selama enam bulan di ibu negara Srivijaya dalam pelayaran menuju ke India.³ Hubungan itu dilanjutkan oleh Dinasti Song (960-1279) dan Dinasti Yuan (1206-1368) yang lebih tertumpu pada aspek perdagangan. Oleh itu sejarah awal hubungan China dengan Alam Melayu sebelum

¹ Liang Liji, *Lembaran Sejarah Gemilang: Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad Ke-15*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996, h.13-15.

² *Ibid.*, h. 25-26.

³ *Ibid.*

Dinasti Ming (1368-1644) tidak terikat dengan sistem tributari China seperti mana berlaku di Melaka pada abad ke-15.

Sistem tributari China sebenarnya wujud hasil daripada asar *heqin* 和亲 (aman dan persahabatan), iaitu sebagai polisi hubungan terbaik-baik dengan negara berhampiran bagi menunjukkan persahabatan antara kedua-dua negara demi untuk meningkatkan hubungan bersama dan mempunyai tujuan politik.⁴ Pada waktu silam iaitu pada 215 SM, China sering terbabit dalam pertempuran dengan nomad seperti *Xiongnu* 匈奴 di utara. Xiongnu merupakan nomad yang tinggal di sempadan China semasa Dinasti Qin (221 SM – 206 SM) dan Han (206 SM – 220 M). Puak Xiongnu kemudian berjaya menawan wilayah-wilayah di utara dan barat China sejak abad ke-3 dan muncul sebagai ancaman kepada keselamatan China.⁵

Heqin berasal dari Dinasti Han (206 SM – 220 M) semasa pemerintahan maharaja pertama iaitu Maharaja Liu Bang 刘邦 (206 SM-194 SM). Di bawah polisi *heqin* ini, barang-barang berharga seperti sutera, arak mahupun puteri maharaja juga dikahwinkan kepada ketua puak nomad yang tinggal di bahagian utara China.⁶ *Heqin* ini adalah sebagai satu cara menjamin keselamatan China di sempadan agar *Xiongnu* tidak lagi menyerang China. Oleh itu tujuan asal sistem tributari ini adalah untuk memastikan keamanan dan kesentosaan di sempadan China kerana suku Xiongnu terlalu gagah dari segi ketenteraan untuk China mengalahkannya.

Di bawah dasar *heqin*, maharaja Dinasti Tang (618M – 907M), Li Shi

⁴ Ku Boon Dar, “Sorotan Terhadap Sistem Tributari: Sistem Tradisi Hubungan Luar China” dalam Azlizan Mat Enh et, al., *Hubungan Antara Negara Dalam Sejarah Dari Era Pra Dingin Ke Perang Dingin*, Bangi: UKM, 2014, h.17. Lihat juga Ku Boon Dar, China-Southeast Asia Relations: A Retrospective of China’s Tributary System. JATI- Journal of Southeast Asian Studies. 25(2):1-19. Dec. 2020. Tarikh diakses 2 Januari 2021. <<https://jati.um.edu.my/article/view/23095>>.

⁵ *Ibid*, h.18.

⁶ *Ibid*. h.17.

Min 李世民 (627 - 650) mengahwinkan Puteri Wen Cheng 文成公主 dengan Raja Tibet Songtsam Gambo 赞普松赞干布 pada tahun 641M.⁷ Selepas *heqin* melalui sistem tributari, hubungan persahabatan antara China dan Tibet berkembang pesat terutama dalam bidang politik, ekonomi dan budaya. Satu peristiwa lagi tentang *heqin* ialah Wang Zhao Jun 王昭君 dihantar oleh Maharaja Han Yuan Di 汉元帝 (48 SM-32 SM) semasa Dinasti Han Barat (206 SM – 25 M) untuk menikahi ketua Xiongnu Chanyu Huhanye 单于呼韩邪 untuk mewujudkan hubungan mesra antara Dinasti Han dengan Xiongnu.⁸ Dasar *heqin* ini berjaya diamalkan selama lebih kurang enam puluh tahun di negara China.⁹ Kemudian pada abad ke-5 dan abad ke-6, sistem tributari mula memperkenalkan sehingga ke wilayah-wilayah yang lebih jauh dari China.

Perubahan ini adalah hasil daripada landskap politik di China, hal demikian disebabkan maharaja Dinasti Han menganugerah tanah, gelaran dan autoriti kepada segolongan pengikut yang berjanji untuk berjuang dan setia kepada maharaja.¹⁰ Sebagai balasan pengikut-pengikut maharaja diwajibkan menghantar produk tempatan sebagai tributari kepada maharaja. Amalan menghantar tributari kepada maharaja secara beransur-ansur berkembang menjadi sistem hubungan luar negara China. Sistem ini digunakan untuk hubungan antara China dengan semua negara bukan China yang ingin menerima sistem tributari China.¹¹

Tuntasnya hubungan tributari merupakan pendekatan tradisi yang telah diwujudkan oleh negara China apabila menjalinkan hubungan luarnya dengan negara-negara lain termasuk dengan Melaka. Lantaran itu, sistem tributari perlu dikaji untuk

⁷ Tan Ta Sen, *Cheng Ho and Malaya*, Melaka: Cheng Ho Cultural Museum, 2014, h.4.

⁸ *Ibid*, h.92.

⁹ Ku Boon Dar, *op.cit.* h.18.

¹⁰ James Li, "Traditional Chinese World Order," dalam *Chinese Journal of International Law, Volume 1, Issue 1, 2002*, London: Oxford University Press, 2002, h.48.

¹¹ *Ibid*, h.48.

memahami episod hubungan China-Melaka pada abad ke-15 yang merupakan lipatan yang penting dalam sejarah Malaysia.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Hubungan serantau Asia Tenggara pada zaman tradisional adalah berdasarkan sistem tributari. Boleh dikatakan bahawa sistem tributari China merupakan satu dasar luar China untuk berhubung dengan negara-negara lain. Sistem ini digunakan oleh China sejak zaman klasik iaitu dari abad keenam masihi hingga ke pertengahan abad ke-19.¹² Pernyataan masalah dalam kajian ini termasuk:

1. Sejauh mana faktor ancaman luar mempengaruhi sistem tributari?
2. Bagaimana hubungan tributari antara China dan Melaka dilaksanakan?
3. Mengapakah China khususnya semasa era Maharaja Yong-le mengembangkan sistem tributari ke Melaka?
4. Sejauh mana impak tributari China ke Melaka dalam bidang politik dan sosiobudaya?

1.3 SOROTAN LITERATUR

Lo Jung-pang (2012) dalam kajiannya *China As A Sea Power 1127-1368*, mengutarakan kajian ini adalah mengenai pengembangan maritim dan eksploitasi tentera laut China semasa zaman Dinasti Song Selatan (1127-1279) dan Dinasti Yuan (1206-1368).¹³ Lo Jung-pang menyetengahkan dalam tempoh ini, tentera laut China pertama kali dominan di Laut Kuning dan Laut China Timur, kemudian juga di Laut China Selatan dan akhirnya meluaskan kuasanya ke Lautan Hindi.¹⁴ Dalam tempoh ini China juga menduduki posisi keutamaan politik di negara-negara maritim di Timur, mengawal laluan-laluan laut dan perdagangan laut serta dengan imigran China yang

¹² Kobkua Suwannathat-Pian, *Asia Tenggara: Hubungan Tradisional Serantau*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, h. 72.

¹³ Lo Jung-pang, *China as A Sea Power 1127-1368*, Singapore: NUS Press, 2012, h. 1-343.

¹⁴ *Ibid*, h. 339.

belayar ke luar negeri untuk mendirikan jajahan di kawasan tropikal di Selatan, China telah mempunyai kekuatan di bidang laut.

Lo Jung-pang menjelaskan pembangkitan tentera laut China adalah bermula pada zaman Dinasti Song Selatan (1127-1279) ketika orang China pertama kali mengorganisasi tentera laut secara peringkat nasional. Kerajaan Dinasti Song Selatan sebenarnya bermula dari pesisir selatan China. Di sana, di wilayah yang dikurniakan oleh alam dengan topografi dan sumber daya untuk kegiatan maritim, dengan bantuan orang-orang yang telah mewarisi dari nenek moyang mereka tentang tradisi tentera laut dan semangat bahari dan juga difasilitasi oleh kemajuan teknologi pada masa itu, China muncul sebagai kuasa laut yang hebat dan menakjubkan.

Lo Jung-pang seterusnya menukil dengan memiliki dan menggunakan angkatan laut sepenuhnya, Dinasti Song Selatan dapat melawan secara efektif pencerobohan Yuan yang dipimpin oleh Mongol. Tetapi pada tahun 1279 dalam pertempuran bersejarah, Mongol berjaya pula menghancurkan dan memusnahkan armada Song Selatan dengan tentera laut mereka sendiri.¹⁵

Lo Jung-pang selanjutnya menggalurkan semangat dan tradisi angkatan laut ditambah pula dengan seni pembinaan kapal dan teknik perkapalan yang diwarisi dari Dinasti Song dan Yuan kepada Dinasti Ming yang menyebabkan China mencapai kemuncak sebagai era kekuatan di bidang laut.

Di samping itu, Lo Jung-pang mengutarakan dengan kematian Zheng He pada tahun 1433, pelayaran jarak jauh dari tentera laut Dinasti Ming juga berakhir. Namun dalam jangka waktu 30 tahun, tujuh ekspedisi Zheng He ke Lautan Barat telah menunjukkan kekuatan tentera laut China serta menyumbang kepada kekuatan politik China di hampir seluruh Asia maritim. Pengarang menegaskan bahawa

¹⁵ *Ibid*, h. 340.

Majapahit dan Siam yang merupakan dua buah kuasa yang kuat di Asia Tenggara pada ketika itu tidak juga berani mencabar kekuasaan China di Laut China Selatan. Tempoh tersebut ditandakan sebagai kemuncak kekuatan laut China. Dengan memiliki angkatan laut yang kuat, China dalam jangka waktu 30 tahun yang singkat telah mencapai hegemoni ke atas negara-negara maritime Asia dari Jepun di timur hingga Ceylon di barat.¹⁶ Ini adalah satu-satu tempoh dalam sejarah panjangnya bahawa China begitu kuat di laut.

Pada keseluruhannya, walaupun Lo Jung-pang dalam kajian ini ada mengupas faktor-faktor China menentang pengembangan luar di laut terutama sekali selepas kematian Zheng He adalah introversi dan pengaruh Taoisme yang menyebarkan konsep penarikan, pengasingan dan sikap tidak aktif, faktor-faktor lain seperti ekonomi, perbelanjaan yang tinggi, masalah negara seperti serangan lanun Jepun di pesisir pantai China patut juga diambil kira.

Dalam karya *Community and Nation*, pengarang Wang Gungwu (1981) mengutarakan sejarawan China yang membaca dokumen klasik mereka dengan teliti, bersetujui bahawa kerajaan yang baik akan menunjukkan dirinya melalui *de* (kemuliaan akhlak) dan seterusnya berkata kewujudan *de* ini akan memujuk orang di dalam dan di luar empayar China untuk penyerahan dan menerima kepimpinan China sebagai anak syurga.¹⁷ Ahli sejarah juga melihat *de* sebagai mekanisme hubungan China imperial dengan negeri-negeri asing.¹⁸ China percaya *de* adalah produk dan fungsi kuasa.¹⁹ Dari sudut pandangan China, *de* penting untuk keunggulan China.

¹⁶ *Ibid*, h. 339.

¹⁷ Wang Gungwu, *Community and Nation*, Singapore: Heinemann Educational Book (Asia)Ltd.,1981, h.37.

¹⁸ *Ibid*, h.37.

¹⁹ *Ibid*, h.38.

Dengan *de*, negara-negara asing datang ke China.²⁰ Tanpe *de*, negara-negara asing akan menjauhi China.²¹

Seterusnya Wang Gungwu menukilkan sebelum Maharaja Ming pertama iaitu Zhu Yuan Zhang 朱元璋 atau Hong Wu 洪武 meninggal, dia ingin memulakan dasar hubungan rapat dengan negara-negara maritim di selatan Siam.²² Selepas kemangkatan Maharaja Hong Wu , perang saudara tahun 1398 hingga 1402 antara Maharaja Jian Wen dan bapa saudaranya telah membuat dasar hubungan rapat tersebut tergendala.²³ Apabila Yong-le merampas takhta dan menjadi maharaja ke-3 pada tahun 1403, dia hanya mengesahkan dasar polisi ayahnya, Maharaja Hong Wu.²⁴ Sebagai seorang perampas takhta, dia sangat ingin menunjukkan kesetiaan kepada rancangan ayahnya dan menyedari bahawa kedatangan misi asing akan meningkatkan martabatnya di negara China. Maharaja Yong-le telah mula percaya bahawa hubungan tributari adalah satu-satu polisi hubungan luar yang tidak bertentangan dengan sudut pandangan China.²⁵

Wang Gungwu seterusnya mengutarakan antara tahun 1402 hingga 1405, Maharaja Yong-le mengikut jejak Hong Wu dengan menghantar misi ke setiap negara yang diketahui.²⁶ Sebilangan orang sida seperti Zheng He, Yin Qing, Hou Xian 侯显 telah menurut perintah Yong-le dengan menyampai gambaran tentang kebudayaan unggul kerajaan Ming di dunia luar.²⁷ Dalam karya ini, pengarang menjelaskan Maharaja Yong-le menghantar keseluruhan empat puluh lapan misi ke negeri asing

²⁰ *Ibid.*

²¹ *Ibid.*

²² *Ibid*, h.47.

²³ *Ibid.*

²⁴ *Ibid.*

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid*, h.50.

²⁷ *Ibid.*

dalam tempoh pemerintahan dua puluh dua tahun.²⁸ Kemudian dari tahun 1405, Yong-le mula menghantar Zheng He dengan angkatan tentera laut yang hebat untuk menjangkau Lautan India dan pantai Baratnya.²⁹ Menghantar armada yang hebat ini ke Lautan Barat terlibat dengan perbelanjaan yang besar. Pencarian harta karun, menunjukkan kekuasaan dan kekayaan, keinginan untuk mengetahui apa yang telah dilakukan oleh orang Timur dan Mongol di Asia Barat, sejauh mana pencapaian sistem tributari, peribadi Maharaja Yong-le yang tamak untuk kemuliaan, persaingan politik di dalam dan di luar negara China, mencari bekas maharaja yang hilang, semua faktor ini menyumbang kepada keputusan Yong-le untuk menghantar Zheng He ke ekspedisi Lautan Barat.³⁰ Tidak syak lagi mungkin ada sebab-sebab lain mengapa Maharaja Yong-le sanggup melabur dalam hubungan asing tetapi dorongan awal untuk meneruskan dasar ayahnya untuk memperluaskan perdagangan negara China mesti diberi keutamaan berbanding dengan yang lain.³¹ Semua ini menunjukkan bahawa negara China tidak sabar menunggu perdagangan luar negeri datang tetapi secara aktif memperluaskan pengaruh maritimnya ke dunia luar.³²

Pengarang selanjutnya mengutarakan pada tahun 1403, Parameswara mengetahui bahawa Siam dan Jawa telah menghantar misi ke China dan mendapat manfaat.³³ Pelbagai pedagang asing di Melaka telah memberitahunya bahawa China adalah kaya dan berkuasa. Pengetahuan ini dibuktikan betul apabila ketibaan misi besar Yin Qing pada tahun 1403 dan kembali ke Melaka pada awal tahun 1405 dengan membawa utusan dari Calicut dan Samudra.³⁴ Oleh itu keperluan Melaka untuk

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Tan Qian, *Guo Que Juan 13 (Perbincangan Hal Negara, Jilid 13)*, Beijing: Zhonghua Shuju, 1958, h.194. [谈迁, 《国榷》卷 13, 北京: 中华书局, 1958 年, 页 194]

³⁰ Wang Gungwu, *op.cit.* h.47.

³¹ *Ibid.*, h.48.

³² *Ibid.*

³³ *Ibid.*, h.89.

³⁴ Long Wen Bin, *Ming Hui Yao Juan 78 (Institusi Dinasti Ming, Jilid 78)*, Beijing: Zhonghua Shuju, 1956, h.112. [龙文彬, 《明会要》, 北京: 中华书局, 1956 年, 页 112]

menjalin hubungan tributari dengan China dilengkapi dengan keperluan China untuk pusat perdagangan dan laluan yang selamat ke India.³⁵ Hubungan erat Melaka dengan China berterusan sehingga tahun 1435 apabila negara China meninggalkan dasar Perdagangan Maharaja Yong-le.³⁶

Pada keseluruhannya pengarang dalam karya ini hanya mengutarakan hubungan China dengan pemerintahan awal Kesultanan Melayu Melaka iaitu dari zaman Parameswara sehingga Seri Maharaja (Dari tahun 1400 hingga 1444). Hal-hal tentang hubungan tributari raja-raja yang lain dengan negara China tidak disentuh langsung dalam karya ini.

Dalam karya *Kesultanan Melayu Melaka* pula, pengarang Muhammad Yusoff Hashim (1989) mengutarakan Kesultanan Melayu Melaka yang gemilang itu diasaskan oleh Parameswara, seorang putera dari Palembang.³⁷ Pada dekad akhir kesultanan ini, Melaka diperintah oleh Sultan Mahmud Shah. Pada masa pemerintahan baginda, Portugis menyerang Melaka. Seterusnya Portugis dapat menakluk Melaka daripada Sultan Ahmad, iaitu putera Sultan Mahmud Shah.³⁸

Bab seterusnya, Muhammad Yusoff Hashim mengutarakan keunikan watak Sultan Alauddin Riayat Shah. Kebolehan fizikal dan mental Sultan Alauddin Riayat Shah berbanding dengan raja-raja Melaka yang lain adalah unik. Mungkin tidak ada raja Melaka yang sanggup menyamar dan meronda pekan Melaka pada waktu malam selain baginda sendiri. Baginda sanggup pula bertindak bersendirian menghapuskan kecurian yang berleluasa.³⁹ Tindakan baginda telah mengatasi kebolehan dan tanggungjawab Seri Maharaja yang menjadi Temenggung ketika itu yang

³⁵ *Ibid*, h.89.

³⁶ *Ibid*, h.96.

³⁷ Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, h.95.

³⁸ *Ibid*, h.40.

³⁹ *Ibid*, h.121.

diamanahkan mengawasi keselamatan pekan Melaka.⁴⁰ Temenggung Seri Maharaja tentunya merasa terhina dengan tindakan Sultan Alauddin Riayat Shah. Sikap dan tindakan yang mencabar ini mungkin tidak disenangi atau tidak diterima oleh pembesar-pembesar Melayu yang lain, terutama pembesar yang mempunyai kepentingan politik di Melaka. Oleh itu satu langkah yang drastik telah dirancang untuk menghapuskan baginda.⁴¹

Seterusnya Muhammad Yusoff Hashim menjelaskan Sultan Alauddin Riayat Shah dikatakan seorang sultan yang warak dalam Islam. Baginda juga membuat persediaan untuk menunaikan fardu haji ke Mekah. Tetapi dengan tiba-tiba sebelum semua persediaan dibuat untuk berangkat, baginda telah mangkat.⁴² Selain itu, Muhammad Yusoff Hashim juga mengutarakan Sultan Alauddin Riayat Shah suka menguruskan pentadbiran negeri secara diri sendiri dan berkuasa sepenuhnya. Hal ini tentu bertentangan dengan tradisi corak pemerintahan temurun Kesultanan Melayu Melaka yang kuasa fizikal biasanya terserah kepada Bendahara dan pembesar-pembesar yang lain. Walau bagaimanapun baginda mangkat dengan misteri dalam umur yang sangat muda, iaitu pada umur 30 tahun.⁴³

Seterusnya, Muhammad Yusoff Hashim mengutarakan tentang permasalahan salasilah sultan-sultan Melaka, sistem pentadbiran dan politik Melaka, Islam dalam sejarah perundangan Melaka, perdagangan dan perkapalan Melayu Melaka, masyarakat Melaka 1400-1511 dan Melaka dalam tradisi sejarah serantau. Secara am, Muhammad Yusoff Hashim tidak menjelaskan hubungan Melaka dengan China sudah Terjalin sejak pembukaan Melaka oleh Parameswara.

Seterusnya Liang Liji (1996) dalam karya *Lembaran Sejarah Gemilang*:

⁴⁰ *Ibid*, h.121.

⁴¹ *Ibid*, h.122.

⁴² *Ibid*, h.122.

⁴³ *Ibid*, h.124.

Hubungan Empayar Melaka – Dinasti Ming Abad Ke-15 mengutarakan Maharaja Yong-le pada tahun 1405 di ibu negeri Dinasti Ming iaitu *Ying Tian Fu* 应天府 (sekarang Nanjing) ditubuhkan satu badan di panggil “*Si Yi Guan*” 四夷馆 (Akademi Bahasa) iaitu Maktab Bahasa Asing yang pertama dalam sejarah negara China.⁴⁴ Bahasa asing yang diutamakan dan diajarkan di maktab ini adalah bahasa asing yang ada hubungan tributari dengan China. Ketika mula ditubuhkan “*Si Yi Guan*” ini, terdapat lapan jabatan dan Bahasa Melayu sudah dimasukkan ke dalam jabatan yang disebut ‘*Hui Hui Guan*’ 回回馆 iaitu Jabatan Islam yang merangkumi kawasan Parsi, Arab, Melaka, Jawa dan lain-lain.⁴⁵ “*Si Yi Guan*” memberi sumbangan besar kepada Dinasti Ming dalam menjayakan politik luar negeri dan mengeratkan hubungan China dengan negeri-negeri di sekitarnya. Semua surat dokumen yang ditulis dalam bahasa asing juga diuruskan oleh maktab “*Si Yi Guan*”.⁴⁶

Selanjutnya Liang Liji menukilkan dengan begitu ramai dan kerap utusan yang datang ke China dari berbagai-bagai negeri, maka peranan bahasa asing menjadi sangat penting kerana semua kegiatan diplomatik itu akan terjejas sekiranya tidak ada pegawai yang mahir dalam bahasa asing. Oleh itu, Dinasti Ming kemudian menubuhkan satu jawatankuasa khas yang disebut ‘*Tong Shi*’ iaitu pegawai jurubahasa.⁴⁷ Pada abad ke-15, kerajaan Dinasti Ming sudah ada sekurang-kurangnya dua orang ‘*Tong Shi*’ 通事 yang memahami Bahasa Melayu. Kebanyakan ‘*Tong Shi*’ mempunyai lulusan dari maktab “*Si Yi Guan*”.⁴⁸

Dalam bab seterusnya, Liang Liji memfokuskan tentang kelahiran

⁴⁴ Liang Liji, *Lembaran Sejarah Gemilang: Hubungan Empayar Melaka – Dinasti Ming Abad Ke-15*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996, h. 82-89.

⁴⁵ *Ibid*, h.83.

⁴⁶ *Ibid*.

⁴⁷ *Ibid*, h.82.

⁴⁸ *Ibid*, h.88.

kamus Cina-Melayu terawal iaitu *Manlajia Guoyi Yu* 马刺加国译语 (Senarai perkataan Bahasa Melayu negeri Melaka) pada abad ke-15.⁴⁹ Kamus ini disusun oleh pihak rasmi Dinasti Ming untuk memenuhi keperluan pembelajaran Bahasa Melayu. Dalam pada itu, maktab bahasa asing “*Si Yi Guan*” yang baharu ditubuhkan juga amat memerlukan sebuah kamus dwibahasa yang lengkap untuk pengajaran serta pembelajaran. Kelahiran *Manlajia Guoyi Yu* memang juga sesuai untuk keperluan dalam politik luar Dinasti Ming bagi mempergiatkan hubungan China dengan negeri Melaka.⁵⁰

Secara keseluruhan, Liang Liji dalam karya ini hanya menitikberatkan topik-topik seperti sejarah China dan Alam Melayu sebelum abad ke-15, hubungan China-Melayu pada abad ke-15, peranan Bahasa Melayu zaman Empayar Melaka dan Dinasti Ming dan falsafah kemanusiaan di sebalik lembaran sejarah gemilang hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming. Topik-topik mengenali bagaimana pelaksanaan hubungan tributari antara China-Melaka, konsep hubungan tributari China dan impaknya tidak dibentangkan dengan gambaran yang jelas.

Dalam kajian *Asia Tenggara: Hubungan Tradisional Serantau*, pengarang Kobkua Suwannathat-Pian (1996) mengutarakan sebelum kedatangan penjajah di Asia Tenggara, ada wujud hubungan serantau yang bermakna dan dinamis pada zaman tradisional.⁵¹ Sebaliknya hubungan serantau tidak wujud sama sekali sepanjang pemerintahan penjajah Barat di Asia Tenggara.⁵² Hubungan serantau Asia Tenggara menunjukkan satu sistem diplomatik antarabangsa yang secocok dengan keperluan sosiobudaya dan politik semasa. Kedatangan penjajah dan peningkatan campur tangan pedagang-pedagang Barat telah melumpuhkan ketenteraman di masyarakat Asia

⁴⁹ *Ibid*, h.89.

⁵⁰ *Ibid*, h.97.

⁵¹ Kobkua Suwannathat-Pian, *op.cit.* h.2.

⁵² *Ibid*, h.2.

Tenggara.⁵³

Dalam bab seterusnya, Kobkua Suwannathat-Pian mengutarakan *de* 德 (bermoral) merupakan sumber segala kesucian kuasa politik yang ada pada seseorang pemimpin negara China dan membolehkan pemimpin itu menubuhkan sesuatu dinasti demi memaparkan kewibawaannya.⁵⁴ Dengan sistem pentadbiran yang baik dan mengamal pentadbiran bermoral, seseorang raja dapat meningkatkan *de* supaya bukan sahaja rakyat China yang akan menerima dan menikmati segala manfaat *de* itu tetapi semua masyarakat “gasar” iaitu bangsa yang tidak bertamadun, tidak kira dekat atau jauh, akan juga menerima manfaat dari mengakui kebesaran maharaja dan kerajaan China.⁵⁵ *De* telah menjadi prinsip pokok hubungan China dengan negeri lain.

Selain itu, Kobkua Suvannathat-Pian juga menjelaskan bahawa pada teorinya, sistem tributari China ini amat dipengaruhi oleh konsep *de*. Berasal daripada kepercayaan bahawa China mempunyai tamadun yang paling besar dari semua negeri di dunia, China mempunyai hak ketuhanan untuk menentukan keamanan, hierarki sosiopolitik antarabangsa di kalangan negeri yang ingin berhubung dengan China.⁵⁶ Kobkua Suvannathat-Pian juga menukulkan kecanggihan tamadun China itu bukan berasaskan kuasa fizikal China iaitu kuasa tentera tetapi pada cara hidup yang teratur dan sempurna dari segi pentadbiran, sistem sosiobudaya, undang-undang dan nilai akhlak China mengikut ajaran Konfusius.⁵⁷

Dalam sistem tributari, Kobkua Suvannathat-Pian terus mengutarakan China sanggup menerima semua pihak yang inginkan manfaat daripada cara hidup masyarakat China yang canggih itu sekiranya mereka mengakui keunggulan tamadun

⁵³ *Ibid*, h.3.

⁵⁴ *Ibid*, h.72.

⁵⁵ *Ibid*.

⁵⁶ *Ibid*, h.74.

⁵⁷ *Ibid*, h.75.

China. Negeri yang menerima sistem tributari China dikehendaki mengakui bahawa maharaja China mempunyai mandat ketuhanan untuk memerintah manusia, menyelesaikan hubungan antara cakerawala dan bumi dan berkuasa melindungi negeri naungan melalui hubungan tributari.⁵⁸

Pada keseluruhannya, Kobkua Suvannathat-Pian hanya menjelaskan konsep hubungan serantau hingga ke abad ke-16, konsep tributari China, hubungan China dengan Asia Tenggara dari abad ke-13 hingga abad ke-18 dan perubahan sosiopolitik serantau. Tentang impak hubungan tributari, pengarang masih tidak meneroka topik ini dengan terperinci.

Selanjutnya dalam karya *Pelayaran Zheng He Dan Alam Melayu*, pengarang Kong Yuanzhi (2000) mengutarakan sepanjang sejarah perhubungan China-Melaka tidak pernah terjadi persengketaan yang besar dan hubungannya adalah paling berjaya. Parameswara bersama permaisuri, pengiring dan rombongannya seramai 540 orang berkunjung negara China pada tahun 1411.⁵⁹ Rombongan ini mencatat rombongan asing yang terbesar yang berkunjung ke China semasa Dinasti Ming.⁶⁰

Dalam hubungan tributari, tokoh yang dipaparkan dalam karya ini ialah Zheng He. Zheng He dikenali juga dengan beberapa nama seperti Zheng Ho, Cheng Ho dan Sam Po Kong.⁶¹ Beliau berjasa kerana memimpin angkatan laut diraja Ming China ke Lautan Barat serta melakukan pelbagai kunjungan muhibah ke lebih 30 buah negeri dari tahun 1405 hingga 1433.⁶²

Kong Yuanzhi seterusnya mengutarakan pelayaran Zheng He ke Lautan Barat

⁵⁸ *Ibid*, h.106.

⁵⁹ Kong Yuanzhi, *Pelayaran Zheng He dan Alam Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, h.67.

⁶⁰ *Ibid*.

⁶¹ *Ibid*, h.31.

⁶² *Ibid*, h.48-50.

telah berjaya menggalakkan perhubungan budaya antara China dengan negara-negara lain di Asia Tenggara.⁶³ Dalam hubungan ini, Zheng He telah menolong penyebaran agama Islam di luar China.⁶⁴ Reputasi Laksamana Zheng He dalam bidang perdagangan yang selalu menekankan aspek kejujuran dan saling hormat menghormati itu menurut Kong Yuanzhi sangat mempengaruhi pandangan penduduk di negeri-negeri yang pernah dikunjunginya terhadap rombongan dan utusan China khususnya terhadap kepimpinan dan peribadi Zheng He sendiri. Kong Yuanzhi menjelaskan juga pelayaran Zheng He bukan bermaksud untuk tujuan ingin memperluas atau menakluk.⁶⁵ Oleh itu, sebagai penghormatan di Melaka misalnya, penduduk tempatan telah mendirikan tokong untuk mengenang jasa-jasanya.⁶⁶

Pada keseluruhannya dalam karya ini, pengarang memfokuskan pelayaran Zheng He di Alam Melayu pada abad ke-15. Pengarang juga memberi penghargaan tinggi kepada Zheng He dalam memimpin armada raksasa dan sumbangannya dalam bidang perniagaan serta usahanya mempereratkan persahabatan antara bangsa. Oleh itu, pengarang tidak menyentuh topik-topik yang lain seperti konsep hubungan tributari, sudut pandangan Melaka terhadap konsep hubungan tributari China serta bagaimana hubungan tersebut dapat membangunkan ekonomi China dan Melaka. Walau bagaimanapun, pengarang memang memberi maklumat yang bernas dan padat tentang hubungan diplomatik antara China dan Alam Melayu pada abad ke-15 yang mengutamakan perdamaian dan persahabatan.

Dalam karya *When China Ruled the Sea*, pengarang Louise Levathes

⁶³ *Ibid*, h.104.

⁶⁴ *Ibid*.

⁶⁵ Zhang Xie, *Dongxi Yangkao (Pengajian mengenai Samudera Timur Dan Samudera Barat)*, Beijing: Zhonghua Shuju, 1981, h.164. [张燮, 《东西洋考》, 北京: 中华书局, 1981年]

⁶⁶ Kong Yuanzhi, *op.cit.* h.93.

(2004) mengutarakan semasa Insiden Jing Nan (1399 – 1402), Zhu Di 朱棣 merebut takhta dan membakar istana Zhu Yun Wen 朱允炆 iaitu maharaja Ming ke-2.⁶⁷ Selepas kebakaran, terjumpa mayat permaisuri dan anak-anak Zhu Yun Wen tetapi hairannya tidak terjumpa mayat Zhu Yun Wen. Zhu Yun Wen telah hilang diri. Tiada orang tahu ke mana dia pergi. Ada desas desus mengatakan dia telah menjadi sami di sebuah kuil. Khabar angin menyiarkan dia masih hidup. Khabar angin ini membuat Zhu Di bimbang dan kurang senang hati. Lantaran itu, Zhu Di perlu membuat sesuatu untuk memastikan Zhu Yun Wen benar-benar lenyap di dunia.

Zhu Di menaiki takhta pada tahun 1403 dan memilih gelaran era pemerintahannya sebagai Yong-le 永乐 (1403-1425).⁶⁸ Sebaik sahaja menaik takhta, Maharaja Yong-le dengan segera memerintah orang bawahannya membina angkatan laut diraja Ming yang hebat.⁶⁹ Kekuatan kapal-kapal dalam angkatan laut diraja Ming adalah hasil inovasi China. Seperti mana dijelaskan oleh Louise Levathes salah satu sebab Yong-le hendak membina kapal-kapal besar ialah untuk mencari Zhu Yun Wen kerana khabar angin masih menyiarkan Zhu Yun Wen masih hidup dan bersembunyi di seberang lautan.⁷⁰

Seterusnya Louise Levathes menukikan riwayat hidup Zheng He. Zheng He dilahirkan pada 1371 dengan nama Ma He 马和 di Yunnan, sebuah provinsi China. Nenek moyang Ma He berpindah ke China pada tahun 1070 semasa Dinasti Song (960 – 1279). Ma He ditangkap oleh tentera Ming China apabila tentera Ming China

⁶⁷ Louise Levathes, *When China Ruled the Sea*, Guilin: Guangxi Normal University Press, 2004, h. 63-64.

⁶⁸ *Ming Taizong Shilu, Jilid 23(Catatan Sebenar Mengenai Maharaja Ming Taizong, Jilid 23)*, h.45. [《明太宗实录》卷 23, 页 45]

⁶⁹ *Ming Taizong Shilu, Jilid 43(Catatan Sebenar Mengenai Maharaja Ming Taizong, Jilid 43)*, h.40. [《明太宗实录》卷 43, 页 40]

⁷⁰ Xia Xie, *Ming Tong Jian, Jilid 14(Politik, Ekonomi, Ketenteraan, Budaya Dan Diplomasi Sejarah Dinasti Ming)*, Beijing: Zhonghua Shuju, 1959, h.45 [夏燮, 《明通鉴》卷 14, 北京: 中华书局, 1959年, 页 45]

menyerang Yunnan pada tahun 1382.⁷¹ Pada masa itu Ma He hanya seorang budak yang berumur sepuluh tahun. Dalam serangan ini, bapa Ma He telah mati. Sebagai budak tawanan, Ma He dipaksa kembiri. Ma He kemudian dibawa oleh seorang jenderal Dinasti Ming, Fu You De 傅友德 ke Beijing.⁷² Di Beijing, Ma He diserap dan di bawah jagaan Zhu Di 朱棣 yang mahir dalam peperangan.

Dalam tempoh dua puluh tahun, Ma He telah menjadi salah satu pembantu utama kepada Zhu Di. Ma He seterusnya menjadi ahli strategi utama dalam pemberontakan Jing Nan 靖难 yang menyebabkan Zhu Di menjadi maharaja Ming yang ketiga pada tahun 1403.⁷³ Oleh kerana berjasa dan taat setia, Ma He dianugerah nama keluarga 'Zheng' oleh Maharaja Yong-le. Sejak itu, Ma He menukar namanya ke Zheng He 郑和⁷⁴. Setelah menjadi ketua sida di istana, Zheng He kemudian dilantik untuk mengetuai angkatan laut diraja Ming ke Lautan Barat.⁷⁵

Di samping itu, Louise Levathes menggambarkan Zheng He sebagai seorang tokoh yang luar biasa. Beliau mempunyai tubuh yang sangat tinggi, badannya kuat dan gagah. Gerak gerinya seperti seekor harimau yang bertenaga. Suaranya lantang dan orangnya cerdik pandai dan mahir dalam selok belok tentang taktik peperangan dan perkapalan.⁷⁶

Seterusnya, Louise Levathes juga mengutarakan Parameswara memilih

⁷¹ *Ming Taizu Shilu, Jilid 55 (Catatan Sebenar Mengenai Maharaja Ming Taizu, Jilid 55)*, h.48-56. [《明太祖实录》卷 55, 页 48-56]

⁷² *Ming Taizong Shilu, Jilid 46 (Catatan Sebenar Mengenai Maharaja Ming Taizong, Jilid 46)*, h.50. [《明太宗实录》卷 46, 页 50]

⁷³ *Ming Taizong Shilu, Jilid 43, h.69 (Catatan Sebenar Mengenai Maharaja Ming Taizong, Jilid 43)*. [《明太宗实录》卷 43, 页 69]

⁷⁴ *Ming Taizong Shilu, Jilid 47 (Catatan Sebenar Mengenai Maharaja Ming Taizong, Jilid 47)*, h.53. [《明太宗实录》卷 47, 页 53]

⁷⁵ *Ming Taizong Shilu, Jilid 48 (Catatan Sebenar Mengenai Maharaja Ming Taizong, Jilid 48)*, h.50. [《明太宗实录》卷 48, 页 50]

⁷⁶ *Ming Taizong Shilu, Jilid 49 (Catatan Sebenar Mengenai Maharaja Ming Taizong, Jilid 49)*, h. 58. [《明太宗实录》卷 49, 页 58]

Melaka bukan semata-mata kerana lagenda pelanduk yang berani tetapi disebabkan Melaka terletak di pertengahan lalulintas perkapalan antara India dan China. Secara am, pengarang memfokus kehebatan tamadun negara China dan kebangkitan maritimnya pada abad ke-15. Namun pengarang masih kurang menerokai hubungan tributari dan pelaksanaan, apatah lagi tentang aspek-aspek impak sosial budaya dalam tempoh perjalinan antara China dan Melaka.

Selanjutnya dalam karya *Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka Kemunculan dan Kegemilangan*, pengarang Syed Zulflida S.M. Noor (2006) mengutarakan latar hubungan Dinasti Ming dengan Kesultanan Melayu Melaka, kecekapan Laksamana Zheng He memimpin angkatan laut diraja Ming dan kehebatan lawatan Parameswara pada tahun 1411 serta kemesraan sambutan yang diberi oleh maharaja China.⁷⁷

Syed Zulflida S.M. Noor (2006) seterusnya menukil pada Oktober 1403, kewujudan Melaka sudah diketahui oleh negara China melalui perutusan pedagang Islam yang datang dari Jilan, Parsi.⁷⁸ Dari sini mulalah pembukaan hubungan diplomasi antara Melaka dan Dinasti Ming. Sebaik sahaja menaiki takhta pada tahun 1403, Maharaja Yong-le memerintah pembinaan angkatan laut diraja Ming yang terdiri daripada pelbagai jenis kapal untuk menjelajahi Lautan Selatan dan Lautan Hindi.⁷⁹

Syed Zulflida S.M. Noor menjelaskan bahawa tidak seperti Portugis, Belanda, Sepanyol dan British yang melakukan penjajahan dan perampasan tanah dan harta, angkatan laut diraja Ming ini tidak menduduki sebarang kawasan atau merampas harta daripada negeri-negeri yang dikunjungi.⁸⁰ Zheng He, sebagai Laksamana yang memegang amanah dan sebagai seorang Muslim, beliau memberi

⁷⁷ Syed Zulflida S.M. Noor, *Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka: Kemunculan dan Kegemilangan*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2006, h.84.

⁷⁸ *Ibid*, h.69.

⁷⁹ Zhang Ting Yu, *Mingshi Juan 6 (Sejarah Dinasti Ming Jilid 6)*, Beijing: Zhonghua Shuju, 1974, h.250. [张廷玉, 《明史》卷6, 北京: 中华书局, 1974年, 页250]

⁸⁰ Syed Zulflida S.M. Noor, *op.cit.* h.84.

bantuan kepada negeri-negeri yang memerlukan dan kepada negeri-negeri yang hendak dipujuk supaya menjadi negeri naungan dan menjalin hubungan tributari dengan China.⁸¹ Negeri Melaka dipelihara dengan teliti supaya membangun manakala negeri-negeri bukan Islam tidak dijajah tetapi dinasihati supaya berbaik-baik dengan jiran-jiran. Syed Zulflida S. M. Noor menjelaskan ini adalah keistimewaan dan keunggulan angkatan laut diraja Ming yang mengamalkan kebajikan dan keadilan.⁸²

Dalam bab selanjutnya, Syed Zulflida S.M. Noor mengemukakan tentang zaman awal pemerintahan Melaka, pengukuhan pemerintahan Melaka, instrument pemerintahan Melaka, Hukum Kanun dan Undang-undang Laut Melaka, kedudukan istana dan masjid Melaka dan kewibawaan raja-raja Melaka. Dalam pada itu, pengarang tidak merincikan bahawa hubungan dengan China juga membawa kepada kemajuan.

Dalam kajian *Cheng Ho and Malaya*, pengarangnya Tan Ta Sen (2014) mengutarakan bagaimanakah negara China boleh mengetahui Melaka yang baru ditubuhkan. Dalam konteks ini, pengarang bersetujui dengan pendapat Profesor Wang Gungwu bahawa sebelum 1hb September 1403, Ming China masih tidak mengetahui kewujudan Melaka kerana dari 1hb hingga 10hb Oktober 1403, ada tiga misi dalam perjalanan mereka ke Jawa, Samudera, Chola yang melalui Selat Melaka, tetapi mereka tidak mengetahui langsung tentang kewujudan Melaka.⁸³ Sekiranya mereka mendengar tentang Melaka, mereka pastinya akan melawat ke sana.

Tan Ta Sen seterusnya menjelaskan bahawa enam hari sebelum Yin

⁸¹ ZhuYun Ming, *Qian Wen Ji (Catatan Berita Mula-mula)*, Beijing: Zhonghua Shuju, 2009, h.185. [祝允明, 《前闻记》, 北京: 中华书局, 2009年, 页 185]

⁸² Syed Zulflida S.M. Noor, *op.cit.* h.81.

⁸³ Tan Ta Sen, *op.cit.* h.63.

Qing 尹庆 diarah untuk melawat Melaka, terdapat utusan pedagang muslim tiba di China.⁸⁴ Dalam pada itu, Tan Ta Sen juga bersetuju dengan pandangan Wang Ganguwu bahawa para pedagang Muslim ini adalah pihak yang memaklumkan kepada Maharaja China tentang kewujudan Melaka yang dinggap oleh mereka sebagai pusat komersial di Asia Tenggara.⁸⁵ Lalu, khabar berikut tersebut dimanfaatkan oleh Maharaja China. Negara China tertarik tentang kedudukan strategik Melaka di Selat Melaka. Lalu, Yin Qing diutuskan ke Melaka pada tahun 1403 selepas mengunjungi Jawa dan Palembang.⁸⁶ Yin Qing menghulurkan tali persahabatan lalu menyarankan kepada raja Melaka pada ketika itu, Parameswara agar menjalin hubungan diplomatik dengan negara China yang dijalinan berasaskan hubungan tributari.

Selain itu, pengarang menjelaskan sepanjang perdagangan maritim yang jauh dari Kepulauan Melayu hingga ke Afrika timur, armada Zheng He terpaksa bersinggah di pelabuhan utama untuk berdagang sutera, teh dan porselin China bagi mendapatkan hasil tempatan seperti rempah-rempah, ubat-ubatan herba dengan pedagang dari seluruh dunia.⁸⁷ Oleh kerana setiap ekspedisi ke Lautan Barat melibatkan lebih daripada 200 kapal dan 25,700 kelasi, Zheng He terpaksa memilih dan menetapkan pangkalan perdagangan (*trading base*) yang strategik sepanjang pelayaran yang jauh ini.⁸⁸ Zheng He kemudian membahagikan operasi perdagangannya di luar negara kepada empat zon iaitu di Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Melayu, Asia Selatan dan Semenanjung Arab. Seterusnya Zheng He memilih lima pelabuhan utama untuk singgah dalam setiap zon sebagai pusat pentadbiran iaitu di Champa, Melaka,

⁸⁴ *Ibid*, h.63.

⁸⁵ *Ibid*, h.63.

⁸⁶ *MingTaizong Shilu, Jilid 22(Catatan Sebenar Mengenai Maharaja Ming Taizong, Jilid 22)*, h.40. [《明太宗实录》卷22, 页40]

⁸⁷ *Ibid*, h.74.

⁸⁸ Fei Xin, *Xingcha Shenglan (Menikmati Pemandangan Indah Dengan Rakit Sakti)*, Beijing: Zhonghua Shuju, 1954, h.65. [费信, 《桴槎胜览》, 北京: 中华书局, 1954年, 页65]

Samudera, Calicut dan Hormuz.⁸⁹ Pusat-pusat pentadbiran ini dipilih untuk menjadi pusat komersial serantau yang dapat membantu Zheng He menjalankan perdagangan diplomatik yang penting.

Seterusnya, Tan Ta Sen menjelaskan Zheng He menubuhkan gudang di pangkalan dagangan untuk menyimpan barangan, bekalan makanan, produk negara China untuk berdagang dan lain-lain⁹⁰. Hairannya di carta nautika Zheng He hanya menyenaraikan dua gudang sahaja, satu di Melaka dan satu lagi di Samudera (Sumatra).⁹¹ Kedua-dua lokasi terletak secara strategik di pintu masuk utara dan selatan ke Selat Melaka. Tan Ta Sen bersetuju bersama dengan kebanyakan sarjana bahawa walaupun gudang di Samudera dibina jauh lebih awal daripada gudang di Melaka, gudang Melaka nampaknya adalah lebih penting kerana kedudukan istimewa dalam operasi diplomatik perdagangan.⁹²

Berkaitan dengan gudang di Melaka, Tan Ta Sen menjelaskan Zheng He telah menggunakan Melaka sebagai ibu pejabat atau markas di luar negara China.⁹³ Di Melaka, Zheng He telah membina gedung yang dikelilingi oleh pagar kayu runcing dan mempunyai pintu yang berkunci. Di empat penjuru pintu gerbang gudang ini dibangunkan pula menara untuk menabuh dan memberitahu waktu pada malam hari. Malah ada penjaga yang meronda siang dan malam dengan membawa loceng. Penjaga itu bersedia membunyikan loceng sekiranya terjadi sesuatu kecohan atau kecemasan. Gedung yang kukuh dan selamat ini memberi perlindungan dari api, kerosakan dan

⁸⁹ *Ibid*, h.74.

⁹⁰Tan Ta Sen, *op.cit.* h. 75.

⁹¹ *Ibid*, h.75.

⁹² *Ibid*, h.75.

⁹³ *Ibid*, h.77.

kecurian. Di sini Zheng He menyimpan bahan makanan, kargo, wang dan barang-barang berharga.⁹⁴

Pada keseluruhannya, pengarang memfokus tentang bagaimana Zheng He memberi sokongan dan pertolongan sepenuhnya kepada Parameswara di Melaka. Namun pengarang masih tidak menjelaskan bantuan dihulurkan itu membawa maksud hubungan tributari telah terjalin antara China-Melaka.

Mohd Jamil Mukmin (2015) dalam karya *Laksamana Cheng Ho: Dalam Sejarah Melaka dan Hubungan Diplomatik dengan Dinasti Ming di China*, mengutarakan Laksamana Cheng Ho atau Zheng He ialah seorang ahli diplomat dan pelayaran Islam China yang ulung kerana memainkan peranan penting dalam sejarah hubungan diplomatik Melaka dengan negara China. Keunggulan beliau sama dengan ahli-ahli pelayaran Barat yang diagung-agungkan seperti Christopher Columbus, Vasco Da Gama dan Ferdinand Magellan.

Mohd Jamil Mukmin seterusnya mengutarakan utusan China kali pertama ke Melaka adalah dibawa oleh Ying Qin pada tahun 1403. Utusan China ke Melaka seterusnya telah dipimpin oleh Zheng He. Zheng He yang beragama Islam dalam tujuh ekspedisi ke lautan Barat telah singgah di Melaka pada (1405-1407M), (1407-1409M), (1409-1411M), (1413-1415M), (1417-1419M), (1421-1422M) dan (1431-1433M).⁹⁵

Dalam bab seterusnya, Mohd Jamil Mukmin menukilkan kunjungan Zheng He ke Melaka telah meninggalkan impak yang besar bukan sahaja dari segi politik, tetapi juga dari segi perdagangan. Armada Zheng He berada di Melaka kira-kira dua minggu hingga satu bulan sehingga kedatangan angin monsun barulah armada Zheng He bergerak semula. Anak-anak kapal armada Zheng He itu yang begitu ramai

⁹⁴ Ma Huan, *Yingya Shenglan (Pemandangan Indah Di Laut Seberang)*, Beijing: Zhonghua Shuju, 1955, h.22 [马欢, 《瀛涯胜览》, 北京: 中华书局, 1955年, 页 22]

⁹⁵ Mohd Jamil Mukmin, *Laksamana Cheng Ho*, Melaka: IKSEP, 2015, h.12.

(28000 kelasi) telah mendarat di Bandar Melaka untuk mencari bekalan makanan, kayu api (arang) dan menjalankan perniagaan bersama-sama dengan pedagang-pedagang Melaka dan asing.⁹⁶

Mohd Jamil Mukmin dalam bab seterusnya juga memfokuskan tentang komoditi yang diperolehi oleh Zheng He dari Melaka termasuklah minyak tanah, belerang, rempah ratus, kemenyan, kayu-kayan, sarang burung layang-layang, batu permata, perak, bijih timah, tembaga, gading, barang-barang makanan dan lain-lain. Sementara komoditi yang didagangkan oleh Zheng He di Melaka termasuklah kain, sutera dewangga, porselin, alat bercat, alat emas dan perak, alat gangsa, alat besi, alat pertanian, kertas, dakwat, teh dan ubat-ubatan.⁹⁷ Kedatangan Zheng He ke Melaka telah menjadi pemangkin memakmurkan Melaka dan menyumbangkan Melaka menjadi sebuah empayar yang tersohor di Asia Tenggara pada abad ke-15.

Secara keseluruhannya, pengarang dalam karya ini hanya memfokuskan beberapa topik sahaja seperti hubungan awal Alam Melayu dan China, penubuhan empayar Melaka, riwayat hidup Zheng He, Zheng He sebagai ahli pelayaran dan duta keamanan dunia yang unggul, hubungan Melaka dan Dinasti Ming dan kesan peninggalan kunjungan Zheng He di Malaysia dan lain-lain tempat. Topik-topik mengenali konsep hubungan tributari, pelaksanaan hubungan tributari antara China dengan Melaka dan bagaimana ancaman luar mempengaruhi hubungan tributari, pengarang dalam karya ini masih kurang memberi penjelasan.

Dalam Kajian *Kegemilangan Maritim Kesultanan Melayu Melaka*, pengarang Mohd Samsudin, Zulkanain Abdul Rahman dan Aziz Ujang (2017) mengutarakan tentang perkembangan yang berlaku pada Melaka semasa era Kesultanan Melayu Melaka. Pengarang menyingkap Melaka boleh menjadi kuasa

⁹⁶ *Ibid.*

⁹⁷ *Ibid*, h.28.

perdagangan terpenting kerana berjaya menarik kuasa besar seperti China untuk mengadakan hubungan perdagangan dengan Melaka pada abad ke-15. Selain itu, pengarang menyentuh tentang Melaka menggunakan Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka untuk menjadi panduan raja-raja dan para pembesar yang mentadbir Melaka. Pengarang juga mengutarakan Melaka boleh muncul sebagai Empayar Melayu dan Islam yang teguh dan stabil disebabkan oleh lokasi yang strategik di Selat Melaka.

Dalam bab seterusnya, pengarang tersebut menukil tentang konsep *international free passage* di Selat Melaka pada abad ke-15.⁹⁸ Melaka sebagai sebuah pelabuhan perdagangan yang penting, adalah perlu bagi Melaka memastikan laluan Selat Melaka selamat daripada sebarang bentuk ancaman. Dalam usaha menjadikan Selat Melaka sebagai *international free passage*, pemerintah Melaka secara bijak menggunakan kaedah menarik kuasa besar laut, iaitu negara China untuk mengadakan hubungan tributari dengan China.⁹⁹ Kehadiran armada laut China yang dipimpin oleh Laksamana Zheng He telah menjadikan laluan Selat Melaka tidak lagi diganggu oleh kumpulan lanun.¹⁰⁰ Pada masa yang sama China juga berusaha memastikan kapal dagang yang melalui Selat Melaka dan Laut China Selatan untuk sampai ke China adalah selamat. Kejayaan peluasan pengaruh empayar Melaka juga memudahkan Melaka menjadikan laluan Selat Melaka sebagai *international free passage*. Konsep tersebut telah menyumbang kepada kejayaan pelabuhan Melaka menerima kemasukan kapal dagang dari Timur dan Barat tanpa kerumitan. Konsep tersebut juga menyumbang kepada kegemilangan Melaka selanjutnya.¹⁰¹

⁹⁸ Mohd Samsudin, Zulkanain Abdul Rahman & Aziz Ujang, *Kegemilangan Maritim Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: UKM Press, 2017, h. 144-146.

⁹⁹ *Ibid*, h.144.

¹⁰⁰ *Ibid*.

¹⁰¹ *Ibid*, h.144-145.

Dalam bab-bab berikut, Mohd Samsudin, Zulkanain Abdul Rahman & Aziz Ujang menukulkan hubungan China dan Melaka boleh dilihat dari dua aspek yang menyumbang ke atas kemakmuran Melaka, iaitu perlindungan dan perdagangan. Perlindungan dan pengiktirafan China membawa kepada pengukuhan pentadbiran Melaka. Hadiah yang diberi oleh Maharaja China memperlihatkan hubungan mesra antara China dan Melaka. China memerlukan barangan dari Asia Tenggara. Kemunculan bentuk hubungan perdagangan dua hala antara China dengan Melaka membantu kemajuan China dan juga Melaka.¹⁰² Parameswara menggunakan kesempatan jalan perdagangan di Selat Melaka untuk menarik pedagang China datang ke Melaka setiap tahun.

Pada keseluruhannya, pengarang dalam karya ini menitikberatkan kepentingan pelabuhan Melaka sebagai nadi utama kepada kemajuan Melaka. Pengarang juga memfokus mengenai hubungan Melaka dengan China telah menyumbang kepada perkembangan Melaka pada abad ke-15. Oleh itu, pengarang tidak menyentuh topik-topik yang lain seperti impak hubungan Melaka dengan China dalam bidang sosiobudaya, bagaimana ancaman luar mempengaruhi hubungan tersebut dan bagaimana hubungan tributari dilaksanakan antara China dan Melaka. Walau bagaimanapun, pengarang telah memberi gambaran yang jelas tentang kejayaan hubungan China-Melaka telah menyumbang kepada kawasan Selat Melaka sebagai zon laut yang selamat untuk perdagangan.

Dalam kajian *Sejarah Melaka Dilihat Dari Sumber-Sumber China*, pengarang Tooru Nomura (1989) menjelaskan bentuk dan kandungan rekod-rekod China klasik berkenaan Kesultanan Melayu Melaka sebelum kedatangan Portugis.¹⁰³ Tooru

¹⁰² *Ibid*, h.145.

¹⁰³ Tooru Nomura, "Sejarah Melaka Dilihat Dari Sumber-Sumber China," dalam Omar Farouk Bajunid (Penyunting), *Esei-Esei Budaya Dan Sejarah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1989, h. 43-46.